

# IPT hasil harta intelek bermutu tinggi

DE 11-03-2012 5

KOTA KINABALU: Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bukan sahaja melahirkan modal insan yang berkualiti malah berperanan menghasilkan harta intelek bermutu tinggi melalui aktiviti penyelidikan dan inovasi.

Justeru, dalam usaha untuk menyuburkan budaya penyelidikan dan inovasi, pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan sentiasa memberi keutamaan kepada penyediaan kemudahan penyelidikan yang terbaik dalam memastikan penghasilan harta intelek yang bermutu tinggi.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Brigidier Jeneral Profesor Datuk Seri Panglima Kamaruzaman Haji Ampon berkata demikian pada Majlis Anugerah Penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2011 (APUMS 2011) di salah sebuah hotel terkemuka dekat sini, malam Jumaat lalu.

Kamaruzaman berkata, UMS juga akan terus menyediakan geran penyelidikan dalaman kepada penyelidik muda serta menyediakan dana untuk membantu penyelidikan pascasiswazah.

"Universiti akan terus menyediakan dana untuk melindungi harta intelek serta menyediakan dana menghadiri persidangan dan menyertai pameran dan pertandingan reka cipta di peringkat kebangsaan dan antarabangsa," jelas Kamaruzaman.

Katanya, tahun lepas seramai 571 staf akademik UMS telah menghadiri persidangan di dalam dan luar negara, yang mana 365 daripadanya telah membentangkan kertas kerja hasil penyelidikan mereka.

"Pada masa yang sama, penyelidik UMS juga turut menyertai pertandingan reka cipta di Malaysian Technology Expo (MTE); BIOMALAYSIA; Ekspo Inovasi Islam (i-NOVA) sehinggakan pihak UMS berjaya menggondol beberapa anugerah dan pingat daripada pertandingan-pertandingan tersebut."

Pada majlis sama, turut berlangsung Majlis Menandatangani Dokumen Perjanjian Pelesenan bagi Pengkomersilan Produk Research And Development berkaitan teknologi penghasilan rumpai laut antara pihak UMS dan tiga buah syarikat iaitu Green Leaf Synergy Sdn. Bhd, VC



**KAMARUZAMAN (kiri) saling bertukar dokumen dengan Pengarah Green Leaf Synergy Sdn Bhd, Ramlan Ali.**

– foto Jason Santos

United Sdn. Bhd. dan Sebangkat Reef Eco Plants Sdn. Bhd.

Pada majlis penyampaian anugerah tersebut, Dr. Patricia Matanjun dari Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan UMS telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Penyelidik Bidang Sains manakala Profesor Madya Dr. Ismail Ibrahim dari Sekolah Pengajian Seni pula merangkul Anugerah Tokoh Penyelidik Bidang Sains Sosial.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Profesor Madya Datuk Dr. Haji Kasim Haji Md. Mansur serta Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Profesor Dr. Mohd Harun Abdullah.